

BN, DAP berbeza misi

Oleh LUKMAN ISMAIL
(WARTAWAN UTUSAN)

HARI ini, penduduk di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Machap dalam daerah Alor Gajah di negeri Melaka menunaikan tanggungjawab mereka untuk memilih wakil rakyat yang baru.

Pemilihan sama ada calon Barisan Nasional (BN), Lai Meng Chong, 56, anak tempatan atau calon DAP, Liou Chen Kuang, 33, ahli perniagaan dari Cheng ditentukan oleh 9,623 pengundi berdaftar.

Sejak 3 April lalu, kedua-dua jentera parti yang bertanding telah mengadakan kempen di kesemua lapan kawasan pusat pembuangan undi bagi memikat dan meraih undi.

Lapan kawasan terbabit ialah Felda Sungai Percha, Tebong, Kemuning, Machap Baru, Solok Menggong, Melaka Pindah, Machap Umboo serta Ayer Pasir.

Jentera BN dengan diketuai oleh Timbalan Pengerusinya, Datuk Seri Najib Tun Razak bergerak dari satu kawasan peti undi ke satu kawasan bagi menarik seberapa ramai pengundi memilih calonnya.

Dalam kempen-kempen sepanjang sembilan hari ini, baik Najib mahupun pemimpin-pemimpin parti komponen lain BN memasang matlamat untuk memenangi pilihan raya kecil itu dengan majoriti yang lebih besar.

Kalau perlu, BN mahukan calon pembangkang hilang wang deposit yang dipertaruhkan ketika penamaan calon baru-baru ini.

Pada pilihan raya umum ke-11 tahun 2004, BN melalui wakilnya mendiang Datuk Wira Poh Ah Tiam telah memperoleh majoriti 4,562 undi berbanding calon DAP yang diwakili oleh Chen Kuang.

Mendiang memperoleh 5,847 undi sementara Chen Kuang mendapat 1,285 undi.

Justeru pada pilihan raya kecil kali ini yang diadakan berikutan kematian Ah Tiam pada 15 Mac lalu akibat kanser dan kerosakan buah pinggang, BN memasang matlamat untuk mengurangkan lagi undi

yang diperoleh Chen Kuang.

Ditambah pula dengan sejarah tiga pilihan raya kecil lepas yang diadakan sejak pilihan raya umum 2004 menyaksikan BN berjaya menambah majoriti di kesemua kerusi tersebut.

Pada pilihan raya kecil DUN Kuala Berang, Terengganu, BN telah berjaya menang dengan majoriti tambahan hampir 400 undi berbanding pilihan raya umum ke-11.

Di Pengkalan Pasir pula, parti kerajaan itu juga telah berjaya merampas kerusi yang dimenangi oleh Pas dengan majoriti 134 undi.

Sementara di Batu Talam, BN juga telah menang dengan majoriti 5,857 undi berbanding hanya 2,761 pada pilihan raya umum.

Atas matlamat dan misi itulah maka BN bekerja kuat untuk menarik jumlah pengundi yang lebih besar menyokong kerajaan berbanding sebelum ini.

Di kem parti pembangkang pula, suasananya berbeza sama sekali kerana DAP tidak menaruh harapan besar untuk memenangi kerusi DUN Machap, kubu kuat BN itu.

Ini kerana misi utama DAP bertanding di Machap bukan untuk menang tetapi 'mencuri' majoriti pengundi BN di kawasan tersebut.

Malah Pengerusinya, Lim Kit Siang dalam satu temu ramah dengan AFP, baru-baru ini berkata, DAP mahu mengurangkan undi majoriti yang diperoleh BN sehingga di bawah 2,000 undi.

"Jika DAP mampu mengurangkan undi majoriti daripada lebih 4,500 kepada paras di bawah 2,000, ia nyata satu kemenangan simbolik dan MCA akan dianggap sebagai sebuah parti politik yang lemah," katanya seperti yang dipetik dari agensi berita asing itu.

Untuk mencapai matlamat tersebut, DAP memberi tumpuan kepada kawasan-kawasan majoriti pengundinya adalah daripada kaum Cina terutama di Machap Umboo dan Machap Baru.

Tambahan pula jika dilihat nisbah pengundi berdaftar sehingga 15 Mac lalu,

UM - 12/4/2007.

Dalam kempen-kempen sepanjang sembilan hari ini, baik Najib mahupun pemimpin-pemimpin parti komponen lain BN memasang matlamat untuk memenangi pilihan raya kecil itu dengan majoriti yang lebih besar



SETIAP parti yang bertanding dalam pilihan raya bukan sahaja bersaing untuk mencipta kemenangan malah lebih penting lagi meningkatkan majoriti undi.

45.9 peratus pengundi di DUN Machap ialah kaum Cina manakala Melayu (39.3 peratus), India (14 peratus) sementara kalangan Orang Asli sebanyak 0.7 peratus.

Kesimpulannya, jika dilihat dari kedua-dua misi parti yang bertanding pada pilihan raya kecil DUN Machap, jelas ia

mewujudkan satu persaingan sengit.

Persaingan bukan untuk saling mencipta kemenangan kerana kemenangan sudah di tangan BN, tetapi persaingan untuk menambah jumlah majoriti pengundi yang menyokong parti masing-masing.